

HONG LEONG AKAUN eDEPOSIT TETAP

TERMA DAN SYARAT ("T&S") ([English version](#))

Terma dan Syarat ("T&S") Hong Leong Akaun eDeposit Tetap ini hendaklah dibaca secara keseluruhan bersama dengan [Terma dan Syarat Umum Akaun](#), serta mana-mana terma dan syarat berkaitan yang mungkin dikenakan oleh Hong Leong Bank Berhad ("HLB/Bank") dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya **dua puluh satu (21)** hari kalender serta syarat dan peraturan lain yang mengikat HLB. Untuk peletakan promosi eDeposit Tetap, Terma dan Syarat Promosi eDeposit Tetap (jika berkenaan) akan digunakan sebagai tambahan kepada T&S ini.

1. Akaun eDeposit Tetap ("Akaun eFD") adalah akaun deposit tetap bagi individu (atas nama tunggal) yang membenarkan pembukaan akaun, peletakan dan pengeluaran deposit tetap yang dilaksanakan secara dalam talian melalui Perbankan Dalam Talian Hong Leong Connect dan/atau aplikasi HLB Connect ("HLB Connect").
2. Akaun Bersama eDeposit Tetap ("Akaun Bersama eFD") adalah akaun bersama deposit tetap bagi maksima dua (2) individu yang membenarkan pembukaan akaun, dan peletakan deposit tetap dan pengeluaran untuk dibuat secara dalam talian melalui Perbankan Dalam Talian Hong Leong Connect ("HLB Connect Online").

KELAYAKAN

3. Akaun eFD terbuka kepada pelanggan individu Bank yang memenuhi kriteria di bawah:
 - (a) memegang Akaun Semasa atau Simpanan Hong Leong Bank ("HLB") atau Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i Hong Leong Islamic Bank ("HLISB") ("CASA/CASA-i") atas nama tunggal; dan
 - (b) telah mendaftar untuk HLB Connect.
4. Akaun Bersama eFD terbuka kepada dua (2) pelanggan individu Bank yang memenuhi kriteria di bawah:
 - (a) memegang akaun bersama **CASA/CASA-i** dengan mandat pengendalian **salah seorang untuk tandatangani**; dan
 - (b) kedua-dua pemegang akaun bersama **CASA/CASA-i** telah mendaftar untuk HLB Connect.
5. Individu yang berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Pemilikan Tunggal, Perkongsian Tidak Diperbadankan, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan Profesional, Kelab, Pertubuhan, Persatuan, Sekolah, Perbadanan, Organisasi Tidak Berasaskan Keuntungan dan entiti perniagaan yang lain **TIDAK** layak untuk membuka atau mengendalikan Akaun eFD atau Akaun Bersama eFD.

PEMBUKAAN AKAUN

6. Syarat untuk pembukaan Akaun eFD:
 - (a) Pelanggan yang memenuhi syarat kelayakan **Klausula 3** di atas dan membuka Akaun eFD melalui **HLB Connect**;
 - (b) Akaun eFD hanya boleh dibuka oleh pelanggan untuk kegunaan sendiri; dan
 - (c) Akaun eFD akan dipautkan dengan akaun CASA/CASA-i pelanggan sendiri (nama tunggal) yang diselenggarakan dengan Bank, seperti yang dipilih oleh Pelanggan (bagi tujuan pengkreditan aman prinsipal dan faedah ("**CASA/CASA-i Diperuntukkan**")). Tetapi, sekiranya peletakan eFD pertama adalah melalui debit daripada akaun CASA/CASA-i Pelanggan yang diselenggarakan dengan Bank, maka akaun CASA/CASA-i Pelanggan tersebut akan menjadi CASA/CASA-i Diperuntukkan secara tetap.
7. Syarat untuk pembukaan Akaun Bersama eFD:
 - (a) Mana-mana satu (1) pemegang akaun bersama bagi **CASA/CASA-i aktif** yang memenuhi kriteria kelayakan klausula 4 di atas dan membuka Akaun Bersama eFD melalui **HLB Connect Online**;
 - (b) Pemegang akaun bersama yang lain satu mesti memberikan persetujuan untuk membuka Akaun Bersama eFD melalui AppAuthorize, dalam jangka masa yang ditetapkan;
 - (c) Nama-nama pemegang akaun bagi Akaun Bersama eFD dan Akaun Bersama CASA/CASA-i mestilah sama;
 - (d) Akaun Bersama eFD akan dipautkan dengan Akaun Bersama CASA/CASA-i Pelanggan yang dipegang di bawah nama pemegang akaun yang sama ("**Akaun Bersama CASA/CASA-i Diperuntukkan**") untuk pengkreditan aman prinsipal dan faedah;
 - (e) Mandat pengendalian bagi Akaun Bersama eFD adalah ditetapkan salah seorang untuk tandatangani;
 - (f) Perubahan terhadap mandat pengendalian yang telah ditetapkan bagi Akaun Bersama eFD adalah **TIDAK** dibenarkan;
 - (g) Sebarang perubahan terhadap pemegang akaun bersama bagi Akaun Bersama eFD adalah **TIDAK** dibenarkan;
 - (h) Nominasi pemegang akaun utama dan sekunder bagi Akaun Bersama eFD akan mengikuti nominasi bagi Akaun Bersama CASA/CASA-i Diperuntukkan (pada masa pembukaan Akaun Bersama eFD); dan
 - (i) Sebarang perubahan bagi nominasi terhadap pemegang akaun utama dan sekunder bagi Akaun Bersama eFD adalah **TIDAK** dibenarkan.

Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Akaun Bersama eFD hanya dibenarkan untuk maksima dua (2) pemegang akaun dengan Akaun Bersama CASA/CASA-i di atas nama pemegang akaun yang sama, nominasi utama/sekunder dan dengan mandat pengendalian mana-mana satu untuk tandatangani.

8. Peletakan berganda eFD ke dalam Akaun eFD atau Akaun Bersama eFD adalah dibenarkan.
9. Peletakan dalam Akaun eFD dan Akaun Bersama eFD hanya boleh dibuat antara pukul 6:00 pagi sehingga 12:00 tengah malam, tujuh (7) hari seminggu, atau dalam waktu dan hari yang ditetapkan oleh Bank, di HLB Connect. Untuk mengelakkan keraguan, peletakan eFD atau eFD Bersama mesti dibuat selewat-lewatnya sebelum pukul 12:00 tengah malam agar peletakan diterima.

PELETAKAN

10. Peletakan eFD boleh dibuat oleh pemegang akaun dengan memindahkan dana daripada:
 - (a) mana-mana CASA/CASA-i Pelanggan dengan HLB yang aktif (nama tunggal sahaja) yang diselenggarakan dengan Bank ("**Sumber CASA/CASA-i**") atau
 - (b) melalui pemindahan dana dari bank lain melalui 'Financial Process Exchange' ("**FPX**") atau DuitNow Online Banking/Wallets ("**DuitNow**").
11. Peletakan bagi Akaun Bersama eFD boleh dibuat oleh salah seorang (1) pemegang akaun, Akaun Bersama eFD dengan melakukan pemindahan dana daripada:
 - (a) Akaun Bersama CASA/CASA-i dengan Bank yang mempunyai mandat pengendalian salah seorang untuk tandatangani dan di bawah nama-nama pemegang akaun yang sama seperti Akaun Bersama eFD ("**Sumber Akaun Bersama CASA/CASA-i**"); atau
 - (b) Individu (nama tunggal) CASA/CASA-i dengan Bank ("**Sumber CASA/CASA-i**") di bawah nama salah seorang pemegang akaun bagi Akaun eFD Bersama; atau
 - (c) melalui pemindahan dana dari bank lain melalui 'Financial Process Exchange' ("**FPX**") atau DuitNow Online Banking/Wallets ("**DuitNow**").
- Melanjutkan mana-mana peruntukan yang dinyatakan dalam T&S ini, apabila Sumber Akaun Bersama CASA/CASA-i didebitkan bagi peletakan eFD Bersama , CASA/CASA-i yang Diperuntukkan bagi pengkreditan amaun prinsipal dan faedah terakru daripada eFD Bersama selepas itu mestilah di atas nama-nama dan mandat pengendalian yang sama seperti Sumber Akaun Bersama CASA/CASA-i.
12. Notifikasi bagi peletakan akan dihantar kepada kedua-dua pemegang akaun Akaun Bersama eFD berdasarkan alamat emel pelanggan yang didaftarkan dengan HLB Connect.
13. Peletakan bagi eFD dan eFD Bersama mesti dibuat bagi tempoh antara satu (1) bulan sehingga dua belas (12) bulan atau tempoh lain pada kadar faedah seperti yang dipaparkan dalam laman sesawang HLB di www.hlb.com.my ("**Laman Sesawang HLB**") yang akan ditentukan oleh HLB pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal.
14. Amaun peletakan minima bagi eFD dan eFD Bersama untuk tempoh satu (1) bulan adalah **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)** dan untuk tempoh dua (2) bulan dan ke atas adalah **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)**
15. Amaun peletakan maksima eFD dan eFD Bersama bagi setiap transaksi ialah **Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000) atau seperti yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat Promosi eFD, mengikut yang mana lebih rendah.**
16. Pemprosesan peletakan eFD atau eFD Bersama mungkin mengambil masa sehingga dua (2) hari bekerja. Tarikh efektif peletakan eFD atau eFD Bersama adalah tarikh Bank berjaya melengkapkan proses peletakan di mana, resit transaksi HLB Connect, yang mengandungi maklumat transaksi peletakan bagi eFD atau eFD Bersama, akan dijana dan diimelkan kepada pelanggan. Resit Transaksi HLB Connect akan mengikat dan merupakan bukti konklusif bagi transaksi peletakan berjaya untuk eFD atau eFD Bersama. Bank tidak akan bertanggungan atau dipertanggungjawabkan bagi sebarang kerugian yang pelanggan mungkin tanggung disebabkan masa yang diambil untuk memproses peletakan eFD atau eFD Bersama.
17. Resit fizikal deposit tetap tidak akan dikeluarkan kepada pelanggan.
18. eFD tidak boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan kecuali eFD yang digunakan sebagai cagaran bagi menjamin Kad Kredit yang dikeluarkan oleh HLB. Sila rujuk kepada [Terma & Syarat Kad Kredit Dijamin dengan Deposit Tetap](#) untuk maklumat lanjut.
19. eFD Bersama TIDAK boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan dengan HLB.

FAEDAH

20. Tiada faedah akan dibayar bagi pengeluaran sebahagian amaun dan/atau pengeluaran pramatang eFD atau eFD Bersama tanpa mengambil kira bilangan bulan yang telah lengkap pada masa pengeluaran sebahagian/pramatang.
21. Faedah yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Diperuntukkan Pelanggan pada tarikh matang bagi eFD atau eFD Bersama yang berkenaan.

PENGELUARAN

22. Pengeluaran eFD atau eFD Bersama hanya boleh dilakukan melalui HLB Connect dengan memberi kebenaran melalui 'AppAuthorise', suatu ciri keselamatan yang membenarkan bayaran dan/atau pemindahan dana dilakukan melalui HLB Connect.

Tertakluk kepada klausa 11 di atas, **salah seorang (1)** pemegang akaun Akaun Bersama eFD boleh melakukan pengeluaran penuh atau sebahagian bagi peletakan eFD di bawah Akaun Bersama eFD.
23. Pemegang akaun dengan ini bersetuju seperti berikut:
 - (a) Pihak Bank akan mematuhi arahan untuk melakukan pengeluaran sebahagian atau sepenuhnya bagi eFD Bersama seperti yang diberi kuasa oleh mana-mana salah seorang pemegang akaun; dan
 - (b) Sebarang arahan untuk pengeluaran penuh atau sebahagian untuk eFD atau eFD Bersama, sesudah diterima oleh pihak Bank, tidak boleh ditarik semula setelah dilaksanakan oleh Bank.

24. Setelah pengeluaran eFD atau eFD Bersama, jumlah prinsipal dan faedah yang diperolehi setelah itu (sekiranya ada), akan dikreditkan secara automatik ke dalam CASA/CASA-i yang Diperuntukkan.
25. Notifikasi bagi pengeluaran akan dihantar kepada kedua-dua pemegang akaun Akaun eFD Bersama berdasarkan alamat emel pelanggan yang didaftarkan dengan HLB Connect.

PENGELUARAN SEBAHAGIAN

26. Pengeluaran sebahagian bagi eFD atau eFD Bersama dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** adalah dibenarkan sepanjang tempoh eFD atau eFD Bersama, tertakluk kepada baki **minima Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)** sahaja yang perlu dikekalkan dalam eFD atau eFD Bersama masing-masing sehingga tarikh matang eFD atau eFD Bersama berkenaan. HLB berhak meminda amaun yang dinyatakan di atas atau kuantum pengeluaran dan / atau baki minima yang perlu dikekalkan bagi eFD atau eFD Bersama pada bila-bila masa, dengan pemberian notis awal.
27. Faedah pada kadar ditetapkan akan terus dibayar atas baki yang masih ada dalam eFD atau eFD Bersama DENGAN SYARAT eFD atau eFD Bersama dikekalkan sehingga tarikh matang.
28. Pengeluaran sebahagian eFD atau eFD Bersama bagi baki kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)** dan ke bawah adalah tidak dibenarkan. Pengeluaran eFD atau eFD Bersama sedemikian akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang untuk keseluruhan eFD atau eFD Bersama.

PEMBAHARUAN

29. Pelanggan hendaklah memilih arahan pembaharuan bagi setiap eFD atau eFD Bersama semasa membuat peletakan melalui HLB Connect atau HLB Connect Online, yang berkenaan.
30. Jika Pelanggan memilih Pembaharuan Automatik semasa peletakan eFD atau eFD Bersama, setelah eFD atau eFD Bersama yang berkenaan telah matang, peletakan tersebut akan diperbaharui secara automatik bagi tempoh yang sama pada kadar faedah semasa pada tarikh pembaharuan eFD atau eFD Bersama yang telah matang.
31. Jika Pelanggan tidak memilih Pembaharuan Automatik semasa peletakan eFD atau eFD Bersama, setelah eFD atau eFD Bersama yang berkenaan telah matang, peletakan tersebut tidak akan diperbaharui dan amaun di bawah eFD/eFD Bersama akan dikreditkan secara automatik ke dalam CASA/CASA-i Diperuntukkan pada tarikh matang bagi eFD atau eFD Bersama yang berkenaan.
32. Salah seorang (1) pemegang Akaun Bersama bagi Akaun eFD Bersama boleh perbaharui peletakan eFD di bawah Akaun eFD Bersama.

SYARAT TAMBAHAN TERPAKAI KEPADA AKAUN eFD BERSAMA BAGI SITUASI PERUBAHAN KEPADA AKAUN BERSAMA CASA/CASA-i DIPERUNTUKKAN

33. Melainkan mana-mana syarat lain yang terkandung dalam T&S ini dan terma dan syarat di bawah Terma dan Syarat Am Akaun, sekiranya terdapat perubahan terhadap pemegang akaun, iaitu penambahan, pembatalan atau penggantian bagi mana-mana pemegang akaun bersama, dan/atau perubahan terhadap mandat pengendalian untuk CASA/CASA-i Bersama,
perkara di bawah akan terpakai:
 - (a) Jumlah prinsipal dan faedah yang diperolehi pada masa itu akan secara automatik dikreditkan ke dalam Akaun CASA/CASA-i Bersama Diperuntukkan, yang dipilih oleh Pelanggan semasa pembukaan Akaun eFD Bersama tersebut setelah eFD Bersama matang;
 - (b) Salah seorang (1) pemegang akaun bersama bagi Akaun eFD Bersama boleh terus untuk melakukan pengeluaran sebahagian atau penuh, atau memperbaharui peletakan eFD Bersama;
 - (c) Memandangkan terdapatnya perubahan seperti dimaklumkan di atas, tiada peletakan baharu di bawah akaun eFD Bersama sedia ada akan dibenarkan. Jika Pelanggan hendak membuat peletakan baharu bagi eFD Bersama, semua pemegang akaun bagi CASA/CASA-i Bersama mestilah membuka akaun eFD Bersama yang baharu seperti T&S yang terpakai di sini; dan
 - (d) Pemegang akaun CASA/CASA-i Bersama yang baharu, sama ada melalui penggantian atau penambahan tidak akan dapat melihat mana-mana eFD Bersama yang aktif di bawah Akaun eFD Bersama sedia ada.

Keputusan Bank bagi pengendalian proses bagi Perubahan kepada Akaun Bersama CASA/CASA-i Diperuntukkan adalah muktamad dan konklusif. Sekiranya terdapat apa-apa perubahan keadaan yang menyebabkan pemegang akaun tidak dapat memenuhi syarat kelayakan bagi pengendalian akaun eFD atau eFD Bersama, Bank boleh memutuskan untuk menutup mana-mana akaun eFD atau akaun eFD Bersama berdasarkan peruntukan bagi Penutupan Akaun dalam Terma dan Syarat Am Akaun atau menggantung pengendalian bagi mana-mana akaun berkenaan.

AM

34. T&S di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma & Syarat Penggunaan HLB Connect dan terma & syarat yang berkaitan dengan Akaun CASA/CASA-i ("Terma dan Syarat Terpakai") hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian secara keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka T&S tertentu di dalam ini akan diguna pakai setakat pertikaian atau percanggahan tersebut.
35. HLB berhak untuk:
- (i) dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21) hari kalender** kepada pelanggan, menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah mana-mana atau semua T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahaginya, dengan memaparkan dalam Laman Sesawang HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank;
 - (ii) untuk menarik balik/ menarik semula faedah yang diterima jika berlakunya ketidakpatuhan terhadap Terma dan Syarat yang berkenaan oleh Pelanggan; dan
 - (iii) untuk menarik semula faedah yang diterima sekiranya berlaku apa-apa penipuan yang dikesan dan/atau pelanggaran terma dan Syarat Terpakai.
36. Pembayaran dana ke dalam Akaun Bersama CASA/CASA-i Diperuntukkan akan dianggap sebagai pelepasan sah oleh Bank bagi amaun daripada eFD Bersama itu. Selain daripada penipuan atau kecuaian melampau yang dilakukan oleh Bank, Bank TIDAK akan bertanggungjawab dengan cara apa pun bagi sebarang kesukaran, kerugian, kemudarat, ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang berpunca daripada Bank melaksanakan perintah / arahan yang tidak boleh ditarik balik daripadamana-mana pemegang akaun bersama bagi Akaun eFD Bersama seperti yang terkandung dalam T&S ini.
37. T&S ini adalah tertakluk dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
38. Perkataan yang menandakan satu jantina adalah termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Ahli PIDM. Akaun eDeposit Tetap dan Akaun Bersama eDeposit Tetap dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan T&S ini, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my